

Indie Writers' Thoughts On Malaysia's Political Reality: Lukacs' Realism Analysis

Asyraff Jamin *

Mary Fatimah Subet **

asyraffjamin@gmail.com (corresponding author) *, sufatimah@unimas.my **

Abstract

*The study of realism has now received a lot of interest after being rejected and marginalised for a while by literary activities in this country. As a trend that is still in its developing phase in this country, there are still not many studies conducted using this theory in total found in Malaysia. Therefore, this study is presented to fill this existing gap, as well as to measure the enrichment of the literary studies corpus in this country. This study examines the thoughts of Indie writers on the Malaysian political situation, which was analysed from four selected Indie novels, namely *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaherah* (2013), *Kunang Pesisir Morten* (2015) and *Budak Kelas Belakang* (2018). This study was conducted using Lukacs' Realism criticism framework (1963, 1978, 1989, 1990) with three objectives as targets are to identify the existence of Indie writers' thoughts towards improving Malaysia's political situation, to present the impact of Indie writers' thoughts on Malaysia's political situation and lastly to rectify the community's negative perception towards Indie works. This study eventually succeeded in identifying Indie writers' thoughts that have an impact towards improving Malaysia's political situation, which can be used as evidence to change the community's negative perception of Indie works.*

Keywords: Indie works, Lukacs' Realism criticism, Malaysia's political situation, negative perception, study of realism

Submitted: 26 May 2024

Revised: 28 January 2025

Published: 30 September 2025

* Postgraduate student at the Faculty of Education, Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Malaysia.

** Senior Lecturer at the Faculty of Education, Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Malaysia.



Pemikiran Penulis Indie Terhadap Realiti Politik Malaysia: Analisis Realisme Lukacs

Asyraff Jamin *

Mary Fatimah Subet **

asyraffjamin@gmail.com (penulis koresponden) *, sufatimah@unimas.my **

Abstrak

Kajian realisme kini semakin mendapat tempat selepas beberapa ketika pernah ditolak dan dipinggirkan daripada kegiatan kesusasteraan di negara ini. Sebagai sebuah aliran yang masih dalam fasa kebangkitan di negara ini, masih tidak begitu banyak kajian yang dijalankan menggunakan teori ini secara total ditemukan di Malaysia. Justeru, kajian ini hadir bagi mengisi kelompangan yang wujud ini serta sebagai langkah pengayaan korpus kajian sastera di negara ini. Kajian ini mengupas pemikiran penulis Indie terhadap situasi politik Malaysia yang dianalisis daripada empat buah novel Indie terpilih, iaitu *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaheerah* (2013), *Kunang Pesisir Morten* (2015) dan *Budak Kelas Belakang* (2018). Kajian ini dilakukan menggunakan kerangka kritikan Realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) dengan tiga objektif menjadi sasaran, iaitu untuk mengenal pasti kewujudan pemikiran penulis Indie ke arah menambah baik situasi politik Malaysia, mengemukakan impak pemikiran penulis Indie terhadap situasi politik Malaysia, dan akhir sekali bagi membetulkan persepsi negatif masyarakat terhadap karya Indie. Kajian ini pada akhirnya berjaya mengenal pasti pemikiran penulis Indie yang berimpak ke arah penambahbaikan situasi politik Malaysia yang dapat digunakan sebagai bukti bagi mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap karya-karya Indie.

Kata Kunci: kajian realisme, karya Indie, kritikan Realisme Lukacs, persepsi negatif, situasi politik Malaysia

Dihantar: 26 Mei 2024

Disemak: 28 Januari 2025

Diterbit: 30 September 2025

* Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Malaysia.

** Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Malaysia.



1.0 Pengenalan

Aliran Realisme dalam kesusasteraan diilhamkan oleh Stalin dan Gorky pada kongres penulis Soviet pada tahun 1934 (Jamin, 2021). Pandangan ini kemudiannya diwartakan dan menjadi praktik dalam kegiatan kesusasteraan di Russia semasa zaman kekuasaan Stalin dan Zhdanov. Gorky (1934) dalam Lukacs (1963) telah menetapkan fungsi sosial kesusasteraan terhadap masyarakat sebagai fokus dalam aliran ini. Daripada sudut sejarahnya, Realisme tercetus berdasarkan idealisme Marxis yang memperjuangkan kesejahteraan kaum proletar atau masyarakat bawahan (Jamin, 2018a). Justeru, Lukacs (1963) dalam usahanya menggerakkan aliran ini menegaskan, adalah menjadi kewajiban penulis realis untuk menjadikan kegiatan kesusasteraan sesuai dengan aktiviti keseluruhan masyarakat. Tambahnya lagi, aliran Realisme menekankan hubungan dialektik antara pengkarya dengan masyarakat sebagai lingkungan sosialnya (Lukacs, 1990). Hal ini demikian kerana menurut Lukacs (1990) lagi, pengkarya realis tidak hanya digerakkan oleh persekitaran atau lingkungan sosialnya semata-mata sebaliknya turut berperanan menggerakkan lingkungan sosial mereka untuk mengatasi hambatan atau permasalahan yang wujud dalam kehidupan sehari-hari. Maka, aliran ini dapat difahami sebagai aliran yang mementingkan impak sesebuah karya sastera terhadap kehidupan masyarakat, iaitu bagi mengatasi hambatan dan permasalahan yang berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat melalui saluran pemikiran yang berupa idea, pandangan, wawasan, saranan dan nilai-nilai signifikan dalam sesebuah karya sastera.

Daripada sudut prinsipnya, Realisme adalah aliran seni yang mengungkapkan kebenaran berdasarkan realiti sebenar (Lukacs, 1963). Sebagai penerus aliran ini, Lukacs tetap mendukung idealisme Marxis yang mementingkan kesejahteraan kaum proletar atau masyarakat bawahan. Berdasarkan idealisme ini, Lukacs (1990) telah memperkenalkan prinsip yang diistilahkan sebagai 'humanis' bagi menzahirkan hasratnya melihat kehidupan masyarakat sentiasa sejahtera. Prinsip 'humanis' ini seterusnya menjadi teras utama yang diperjuangkan dalam aliran ini. Ke arah mencapai prinsip kehidupan 'humanis', Lukacs (1990) telah menggariskan tiga ciri wajib yang perlu ada pada diri pengkarya dan karya realis, iaitu pertama, - kesatuan masyarakat haruslah diletakkan sebagai tatapan atau subjek utama dalam penulisan sesebuah karya sastera. Kedua - pengkarya realis haruslah memakai makna kehidupan sebagai sudut pandang untuk memperlihatkan realiti kehidupan masyarakat dalam penghasilan sesebuah karya. Ketiga, - pengkarya realis hendaklah menjadikan masa sekarang (*present*) sebagai titik permulaan bagi masyarakat melupakan pengaruh masa lalu yang kurang baik seterusnya mengorak langkah untuk memperbaiki dan menambah baik kehidupan mereka pada masa hadapan.

Daripada sudut kritikan pula, aliran ini boleh dianggap suatu kaedah kritikan bagi melahirkan kesedaran masyarakat terhadap realiti-realiti yang berlaku dalam masyarakat (Jamin, 2018a). Hal ini kerana, Realisme ialah teori yang diperoleh daripada proses merenung, memerhati serta melalui interaksi antara pengkarya dengan alam atau masyarakat yang menjadi subjek dalam sesebuah karya sastera (Lukacs, 1990). Proses merenung dan memerhati ini seterusnya diistilahkan Lukacs sebagai 'cerminan' atau *reflection* (Selden, 1991). Istilah ini kemudiannya diterapkan sebagai satu lagi praktik dalam aliran ini, iaitu sesebuah karya haruslah mencerminkan atau merefleksikan realiti kehidupan masyarakat secara benar, lengkap, hidup dan dinamik. Prinsip-prinsip dan praktik inilah yang akan digunakan dalam meneliti karya-karya atau novel Indie yang



menjadi subjek dalam kajian ini.

Karya Indie merupakan hasil karya yang diterbitkan secara sendiri, bukan arus perdana tetapi bersifat komersial (Jamin & Subet, 2021). Istilah 'Indie' berasal daripada kependekan perkataan bahasa Inggeris, '*independent*' yang membawa maksud bebas, merdeka dan tidak bergantung pada yang lain. Secara takrifannya, *Cambridge Advanced Learner's Dictionary Fourth Edition* (2013) mentakrifkan Indie sebagai muzik atau filem yang dihasilkan oleh syarikat atau produser kecil-kecilan yang tidak dimiliki oleh syarikat besar. Sementara Tori (2004) dalam *Urban Dictionary* memberi definisi Indie sebagai istilah atau terma yang digunakan untuk muzik yang bebas daripada jenama besar atau saluran arus perdana. Memetik kenyataan Rogan (1992) tentang sejarah kemunculan gerakan seni Indie pula, gerakan seni Indie dikatakan bermula sekitar tahun 1950-an atau 1960-an dengan adanya aliran muzik Indie yang membawa idea untuk membebaskan diri daripada label rakaman komersial dengan mengambil pendekatan menghasilkan dan menerbitkan muzik secara sendiri. Gerakan ini setersnya telah mengembangkan pengaruhnya termasuklah dalam kegiatan kesusasteraan dan perbukuan. Di Malaysia, sastera atau buku Indie dikatakan mula berlegar di negara ini sekitar tahun 2000 (Biro Tatanegara, 2015). Namun terdapat juga sesetengah pendapat mengatakan gerakan buku Indie di negara ini bermula sekitar era Gerakan Reformasi pada tahun 1998, sebagai medium penyebaran gerakan berkenaan (Jamin dan Subet, 2020).

Sebagai cabang sastera baharu di Malaysia, karya-karya Indie pada masa ini masih belum diterima sepenuhnya oleh masyarakat. Karya-karya Indie dianggap sebagai karya yang membawa unsur negatif, tabu dan agresif termasuklah dalam tema politik dengan kebanyakan idea-idea politik yang dibawa dilihat menjurus ke arah politik kiri atau dilihat menyokong pihak pembangkang (Biro Tata Negara, 2015). Namun begitu, sejauh manakah tanggapan ini benar? Oleh yang demikian, kajian ini berusaha mengupas pemikiran berkaitan realiti politik Malaysia yang disampaikan dalam karya-karya Indie terpilih dengan analisis disandarkan pada prinsip-prinsip karya realis yang digariskan Lukacs dalam *The Theory of the Novel* (1963), *Marxism and Human Liberation* (1978), *Studies in European Realism* (1989), dan *History and Class Consciousness* (1990).

2.0 Sorotan Literatur

Sebagai cabang sastera baharu yang masih muda di negara ini, karya-karya Indie masih belum dapat diterima sepenuhnya oleh masyarakat kerana dianggap membawa unsur negatif, tabu dan agresif. Beberapa kajian sebelum ini telah dikenal pasti mengemukakan unsur kelemahan karya-karya atau buku Indie. Wahab dan Kusnin (2016) dalam kajian mereka bertajuk *Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia* misalnya, telah mengemukakan kelemahan tentang gaya penulisan buku Indie bertajuk *Antithesis* (2014) yang dikatakan bersifat memberontak dan agresif. Hal ini menurut mereka berada di luar daripada kebiasaan sastera arus perdana yang terikat dengan etika penulisan dan penerbitan. Situasi ini pada pandangan mereka telah membawa satu kejutan budaya dan pemikiran serta dikhuatiri mampu meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan (Wahab & Kusnin, 2016). Turut senada, Ismail dan Yusoff (2016) menerusi kajian mereka bertajuk *Karya Indie: Revolusi Penulis Generasi Baru* telah mengemukakan kelemahan daripada aspek isi atau plot karya. Kajian yang menggunakan novel *Kelabu* (2011) ini mendapati plot novel tersebut mengandungi unsur negatif seperti pemberontakan, sarkastik, jenaka, maki hamun, dan penentangan dengan mengetengahkan persoalan krisis identiti yang berlaku dalam diri



seorang remaja kota yang hidup bebas. Ismail dan Yusoff (2016) menyimpulkan bahawa karya ini bersifat bebas dan tidak berlandaskan struktur penulisan novel yang sepatutnya diamalkan.

Sungguhpun menerima pelbagai kritikan daripada aspek kelemahannya, namun terdapat juga beberapa kajian yang cuba menggali kekuatan karya-karya Indie. Nurain dan Cheang (2019) yang menjalankan kajian bertajuk *Satu Penelitian Strukturalis Terhadap Sastera Indie Terpilih* misalnya, telah memuji penulis-penulis Indie sebagai penulis yang sentiasa didasari oleh isu-isu yang berlaku dalam kelompok masyarakat selari dengan fungsi kesusasteraan sebagai medium pemikiran. Kekuatan ini dikenal pasti hasil daripada analisis struktural yang dilakukan ke atas plot, gaya bahasa, serta watak dan perwatakan dalam tiga buah novel Indie, iaitu *Nazi Goreng* (2015), *Perempuan Politikus Melayu* (2016) dan *Budiman* (2017). Sementara itu, Ashaari, Hamzah, Yaakub dan Rasit (2018) tampil dengan kajian yang lebih menjurus kepada kekuatan karya-karya atau buku Indie melalui kajian mereka yang bertajuk *Tarikan terhadap Buku Indie dalam Kalangan Pembaca Muda di Malaysia*. Kajian ini mendapati terdapat lima faktor yang menjadi tarikan kepada pembaca untuk membaca buku-buku Indie, iaitu dari aspek tajuknya, kulit buku, grafik, olahan kandungan, mesej, serta peranan media baharu. Dari segi tajuk misalnya, mereka mendapati tajuk-tajuk buku Indie bersifat menarik, pelik, unik serta kadangkala mengundang kontroversi yang menjadi faktor tarikan pembaca. Tajuk yang menarik juga berkait rapat dengan kulit serta grafiknya. Persembahan kulit buku-buku Indie dikenal pasti mempunyai gayanya yang tersendiri dengan menampilkan grafik atau gambar yang unik, menarik dan kreatif. Dari aspek kandungan dan mesejnya pula, karya Indie dilihat mempromosikan idea-idea secara kritis yang boleh membuka minda pembaca di samping diolah dengan gaya bahasa media baharu yang mudah dan ringkas. Peranan media baharu turut dikenal pasti menjadi faktor penarik kepada karya-karya Indie terutamanya daripada aspek promosi. Tarikan-tarikan ini jelas menjadi kekuatan karya-karya Indie meskipun pengkajinya mengakui masih terdapat beberapa lagi aspek yang boleh ditambah baik. Dalam pada itu, Adenan, Kayad dan Daud (2018) pula telah mendapati karya Indie banyak menggunakan diksi seperti slanga, dialek Utara, bahasa asing serta gemar menggunakan gaya bahasa hiperbola dan simile menerusi kajian mereka yang bertajuk *Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman*. Dapatan ini jelas menunjukkan karya Indie menampilkan kepelbagaian serta mementingkan penjiwaan terhadap karya melalui unsur seperti dialek Utara, gaya bahasa hiperbola dan simile.

Berdasarkan sorotan kajian lepas terhadap karya-karya Indie yang telah diteliti ini, dikenal pasti bahawa masih tidak ada kajian terhadap karya Indie yang dilakukan menumpukan secara khusus kepada tema politik namun pihak Biro Tata Negara (2015) tanpa asas dan bukti yang kukuh telah menyifatkan karya-karya Indie sebagai karya yang mendukung politik kiri dan menganggap karya-karya ini cenderung menyokong pihak pembangkang. Oleh yang demikian, wujud keperluan mendesak agar sebuah kajian yang memfokuskan tema atau pemikiran politik dalam karya-karya Indie dilakukan agar penilaian yang sewajarnya berlandaskan pembuktian secara akademik terhadap karya-karya Indie dapat diberikan. Kajian ini akan meneliti pemikiran realisme dalam tema politik karya-karya Indie terpilih bagi menilai sama ada ia bersifat negatif, tabu atau agresif seperti didakwa Biro Tata Negara (2015), ataupun sebaliknya. Selain itu, kajian ini turut memperkaya korpus kesusasteraan negara serta mengisi kelompangan dalam penelitian karya Indie di Malaysia.



3.0 Metodologi


Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan dengan memfokuskan pemikiran penulis Indie terhadap realiti politik Malaysia yang dikemukakan dalam empat buah novel Indie yang dikaji, iaitu novel *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaherah* (2013), *Kunang Pesisir Morten* (2015) dan *Budak Kelas Belakang* (2018). Hasil analisis dokumen ini kemudiannya dikemukakan secara deskriptif bagi mengenal pasti impak pemikiran penulis Indie ke arah menambah baik situasi politik semasa tanah air. Dapatan ini seterusnya dapat menjadi bukti karya-karya Indie mempunyai fungsi intelektual yang mampu mengubah pemikiran masyarakat agar berubah ke arah suatu keadaan yang lebih baik atau mencapai tahap kehidupan 'humanis' seperti yang sering ditegaskan Lukacs (1990). Dapatan kajian ini juga dapat menjadi bukti bahawa tanggapan negatif yang sering dilemparkan terhadap karya-karya Indie adalah bersifat persepsi semata-mata.

Justeru, bagi memastikan matlamat ini dapat dicapai, dua objektif telah ditentukan bagi memastikan kajian ini sentiasa berada pada landasan yang dikehendaki. Dua objektif yang ditentukan adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui kewujudan pemikiran penulis Indie ke arah menambah baik situasi politik Malaysia.
- ii. Membincangkan impak pemikiran penulis Indie terhadap situasi politik Malaysia.

Seterusnya, bagi memastikan matlamat dan objektif-objektif ini dapat dicapai, kajian ini menggunakan kerangka analisis yang digarap berdasarkan prinsip-prinsip realisme yang dikemukakan Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) dengan menjadikan prinsip-prinsip ini sebagai indikator atau kriteria bagi mengenal pasti pemikiran dan mengemukakan impaknya terhadap situasi politik di negara ini. Kerangka analisis ini diperjelaskan seperti berikut:





Rajah 1: kerangka metodologi kajian

Perincian tentang prosedur kajian seperti yang dikemukakan kerangka analisis tersebut adalah seperti berikut:

a. Analisis karya sastra

Analisis ini dilakukan menggunakan kaedah atau teknik bacaan intensif secara rapi bagi mengenal pasti kewujudan pemikiran penulis Indie berkaitan realiti politik Malaysia. Data pemikiran yang menjadi fokus dalam analisis ini terdiri daripada paparan tentang realiti berkaitan situasi politik yang dikemukakan penulis Indie seperti perwatakan, tindakan-tindakan serta ucapan-ucapan oleh sesuatu watak dalam novel-novel yang dikaji. Data pemikiran yang dikenal pasti ini seterusnya direkodkan sebagai data mentah untuk dianalisis pada peringkat berikutnya.

b. Analisis pemikiran penulis

Analisis ini meneliti data mentah yang diperoleh daripada proses analisis sebelum ini dengan menilai data-data yang dikumpul berdasarkan cakupannya terhadap tema atau realiti politik di Malaysia. Data-data yang dikenal pasti tidak mencakupi atau tidak menyentuh tema politik akan digugurkan dan tidak akan dianalisis pada peringkat seterusnya.

c. Analisis kritikan Realisme Lukacs


Analisis ini bertujuan untuk menilai data-data pemikiran yang telah dikenal pasti daripada dua peringkat analisis sebelum ini. Analisis atau penilaian terhadap data-data ini dijalankan dalam dua fasa, iaitu analisis perbandingan realisme dan seterusnya analisis estetika realisme.

Analisis perbandingan realisme dijalankan untuk menilai dan mengenal pasti keselarian data-data pemikiran dengan realiti politik di negara ini. Analisis ini dilakukan menerusi kaedah kepustakaan dengan menggunakan bukti-bukti realisme atau rekod-rekod sedia



ada yang terdiri daripada dokumen-dokumen seperti dasar-dasar kerajaan, undang-undang, akta, ucapan pemimpin, jurnal-jurnal ilmiah, artikel, berita, buku dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Data-data pemikiran akan dibandingkan dan dipastikan selari serta bertepatan dengan bukti-bukti realisme ini bagi menilai hubungan dan tahap keselarian data pemikiran dengan realiti politik di negara ini. Data-data yang tidak dapat dibuktikan keselariannya dengan bukti-bukti realisme akan digugurkan dan tidak akan dianalisis pada fasa berikutnya kerana tidak menepati prinsip realisme Lukacs (1990) yang menegaskan karya sastera hendaklah menggambarkan realiti secara bertimbal balik dengan kenyataan yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari masyarakat.

Analisis estetika realisme pula dijalankan untuk menilai atau mengukur tahap pencapaian estetika realisme bagi setiap data pemikiran berpanduan prinsip-prinsip realisme yang dikemukakan Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990) seperti yang dapat dilihat menerusi Rajah 2 yang berikut:



Rajah 2: Prinsip-prinsip realisme Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990)

Prinsip-prinsip ini dijadikan sebagai kriteria atau indikator penilaian tahap pencapaian estetika realisme bagi satu-satu data pemikiran. Data-data pemikiran akan dinilai dengan cara memadankannya dengan prinsip-prinsip realisme yang dikemukakan Lukacs (1963, 1978, 1989, 1990). Melalui padanan ini, perincian tentang kesan atau impak pemikiran terhadap masyarakat khususnya dalam situasi politik di negara ini dapat dikenal pasti dan dikemukakan. Data-data yang tidak mencapai dan tidak menepati prinsip-prinsip realisme serta tidak memberikan impak yang signifikan terhadap situasi politik negara ini akan digugurkan dan tidak diterima sebagai pemikiran realisme selaras dengan penegasan Lukacs (1990) yang menekankan pengkarya atau karya sastera tidak hanya digerakkan oleh realiti yang terdiri daripada persekitaran atau lingkungan sosial semata-mata, tetapi dalam masa yang sama hendaklah berusaha menggerakkan lingkungannya. Data akhir yang diperoleh daripada analisis ini seterusnya akan diterima sebagai data pemikiran realisme.



d. Dapatan pemikiran realisme

Peringkat ini merupakan kesinambungan kepada peringkat-peringkat analisis yang dilakukan sebelum ini. Data akhir yang diperoleh daripada tiga peringkat analisis sebelum ini akan dipersembahkan sebagai dapatan pemikiran realisme yang merupakan dapatan kajian. Data akhir ini akan dianalisis dan dikemukakan secara deskriptif bagi menjelaskan cakupan data pemikiran terhadap situasi politik negara ini berdasarkan bukti-bukti realisme dan juga bagi memperincikan kesannya terhadap situasi politik semasa berdasarkan pencapaian estetika realisme.

4.0 Analisis dan Perbincangan

Lukacs (1989) dalam membahaskan tentang sastera realis menyatakan sastera realis sememangnya lahir dan berkembang di negeri yang sarat dengan persoalan politik. Justeru, kesalinghubungan antara karya sastera dengan politik sememangnya tidak dapat dipisahkan. Dalam tulisannya yang lain, Lukacs (1978) turut menegaskan bahawa karya sastera tidak boleh dipisahkan daripada dimensi kehidupan individu. Menurutnyanya lagi, karya realis juga tidak boleh memisahkan dirinya daripada pemahaman terhadap gerak sosial menuju masyarakat yang demokratik dan humanis (Lukacs, 1978). Justeru, untuk mewujudkan masyarakat yang demokratik dan humanis seperti yang diperkatakan Lukacs (1978), memerlukan sesebuah negara atau institusi memiliki situasi politik yang stabil, sihat, dan matang terlebih dahulu. Situasi politik yang stabil, sihat dan matang ini pula dipengaruhi oleh penggerakannya, iaitu masyarakat yang mampu berfikir dan bertindak secara matang dalam menggerakkan politik di sesebuah negara atau institusi. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat persoalan politik merupakan persoalan atau isu yang sangat signifikan untuk dikupas dalam kajian ini lebih-lebih lagi dalam konteks negara Malaysia yang mengamalkan sistem politik demokrasi yang terdiri daripada parti-parti politik berteraskan kaum. Kaum-kaum di Malaysia boleh juga dirujuk sebagai sebuah kumpulan masyarakat. Pemimpin sesebuah kaum atau masyarakat ini akan berusaha mendapatkan kuasa politik melalui sokongan daripada ahli masyarakatnya. Sungguhpun begitu, sokongan tidaklah diberi begitu sahaja, sebaliknya perlu dibalas dengan pembangunan, kemajuan serta pemeliharaan hak dan kepentingan-kepentingan sesebuah masyarakat itu sendiri. Dengan adanya kuasa politik, nasib sesebuah masyarakat akan lebih terbela dan mendapat peluang yang lebih cerah untuk memajukan diri mereka. Maka, kuasa politik dilihat sebagai satu perjuangan dalam memastikan nasib sesebuah masyarakat atau kaum tetap terpelihara. Selari dengan prinsip yang ditegaskan Lukacs (1978), analisis ini melihat impak pemikiran yang dikemukakan penulis Indie dalam mendukung perjuangan masyarakat bagi mencapai kemajuan hidup seterusnya menambah baik situasi politik semasa tanah air. Perbincangan tentang pemikiran penulis Indie terhadap realiti politik Malaysia dimulakan dengan kupasan terhadap pemikiran yang disampaikan dalam *Aku Rindu 90's* (2012).

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan terhadap novel *Aku Rindu 90's*, pengkaji mendapati penulisnya telah mengemukakan realiti politik Malaysia yang berlaku pada era 90-an. Berlandaskan prinsip karya realis yang menggambarkan realiti sosial secara jujur dan selari dengan peredaran masa, penulis novel ini telah mengemukakan realiti yang berbentuk trend amalan politik yang bersifat ekstrim. Penulis novel ini telah mengemukakan kejahatan amalan politik ekstrim yang diamalkan pada era tersebut sehingga mencemarkan kesucian surau yang merupakan rumah ibadah bagi masyarakat Islam. Penulis menuliskan dalam novelnya seperti;



Pernah sekali aku bertanya nenek aku soal surau.

"Kenapa tak pergi surau tu?"

"Eh, mana boleh pergi surau tu."

"Kenapa?"

"Itu surau orang Barisan."

Aku mengangguk, berdiam, walaupun akal aku masih tidak bersedia untuk memahami perkara-perkara sebegitu.

Kenapa perlu diasingkan penggunaan surau? Ini surau orang BN, ini surau orang PAS.

Ada beza ke?

Pahala lebih ke?

Apa kalau orang PAS sembahyang di surau orang BN tak diterima solatnya?

(Aku Rindu 90's, 2012, hlm 48)

Lukacs (1989) menegaskan bahawa penulis mempunyai tanggungjawab terhadap proses pembebasan manusia daripada segala bentuk kepalsuan. Berdasarkan petikan novel di atas, kepalsuan yang dimaksudkan Lukacs (1989) boleh diterjemahkan sebagai kepercayaan fanatik atau ketaksuban yang diamalkan oleh penggerak-penggerak politik seperti yang dikemukakan penulis. Sikap fanatik atau taksub pada pandangan pengkaji langsung tidak memberikan sebarang kebaikan melainkan membawa kepada perpecahan masyarakat, atau lebih tepat perpecahan umat Islam itu sendiri di samping mencemarkan kesucian rumah ibadat. Sebagai sebuah karya yang dikenal pasti berada dalam alur realisme, novel ini dilihat telah menjalankan peranannya merefleksikan realiti sebenar yang berlaku dalam kehidupan masyarakat, penulisnya dengan jelas telah mengemukakan kejelekan amalan politik yang diamalkan sehingga membawa kepada perpecahan masyarakat hanya disebabkan aliran politik yang tidak sehaluan. Penggerak politik yang merupakan anggota masyarakat ini telah menyalahgunakan surau dengan menjadikannya sebagai medan untuk mereka berkempen dan menyebarkan ideologi politik. Realitinya, situasi ini sememangnya benar-benar berlaku dalam masyarakat bahkan masih lagi berlaku sehingga ke hari ini. Sebagai bukti realisme, Buang (2017) dalam tulisannya yang memetik kenyataan seorang aktivitis politik, Badrul Hisham Shaharin atau Chegubard yang mendakwa Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah menyalahgunakan ruang dan kemudahan surau Al-Falah dengan mengadakan permukiman pada pilihan raya umum (PRU ke-14 berdasarkan gambar-gambar yang telah tersebar secara jelas. Dalam tulisan yang sama, Buang (2017) turut mendedahkan berlakunya penyalahgunaan rumah ibadah oleh seorang ahli parlimen daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Sivarasa yang telah menyampaikan ceramah politik di masjid di kawasan Parlimen Kota Raja. Tidak ketinggalan, penggerak parti Barisan Nasional (BN) turut dikesan melakukan tindakan yang mencemarkan kesucian rumah ibadah dengan menampal poster pilihan raya di dalam surau dan masjid semasa kempen pilihan raya kecil (PRK) Besut pada tahun 2013 (Hashim, 2013). Tindakan penggerak-penggerak parti politik ini jelas sekali bersifat tidak matang kerana telah melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan juga tidak menghormati sensitiviti masyarakat. Selain rumah ibadah, tindakan tidak matang ini turut dikesan di tanah perkuburan Cina. Tham (2018) telah mengkritik tindakan penggerak parti BN yang tidak sensitif dengan meletakkan bendera parti di sebuah kawasan perkuburan Cina di Melaka. Tindakan tersebut jelas sekali tidak menghormati dan tidak mengendahkan sensitiviti yang sepatutnya dijaga oleh setiap masyarakat Malaysia.



Daripada sudut pemikirannya, pendedahan realiti politik yang jelek oleh penulis ini sebenarnya bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat agar mengamalkan cara berpolitik yang lebih matang dan sihat. Pemikiran yang disampaikan penulis ini dilihat selari dengan prinsip realisme yang menekankan pemahaman terhadap gerak sosial menuju suatu masyarakat yang demokratik dan humanis seperti yang ditegaskan Lukacs (1978). Melihat kembali praktik demokrasi dalam kalangan masyarakat Malaysia, jelas mereka telah pun mengamalkan prinsip-prinsip demokratik, iaitu bebas memilih atau menyokong mana-mana parti politik yang dikehendaki namun satu perkara yang menjadi kekurangan dan perlunya ditambah baik adalah dari sudut humanis. Ternyata tindakan penggerak parti-parti politik di Malaysia masih lagi mengetepikan prinsip humanis dengan tidak menghormati dan menyalahgunakan rumah ibadah serta tidak menjaga sensitiviti sesetengah masyarakat dalam berpolitik. Sebagai fungsi intelektualnya, penulis telah membangkitkan beberapa persoalan dalam tulisannya, seperti, *“Ada beza ke?”*, *“Pahala lebih ke?”*, dan *“Apa kalau orang PAS sembahyang di surau orang BN tak diterima solatnya?”*. Penulis secara tersirat sebenarnya mahu menyampaikan bahawa tindakan sedemikian langsung tidak membawa sebarang kebaikan apatah lagi keuntungan. Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan, penulis novel ini telah pun menjalankan tugasnya seperti yang ditekankan Lukacs (1990), iaitu menyampaikan saranan agar masyarakat mengamalkan kehidupan bermasyarakat yang humanis dan tidak berpecah-belah. Pemikiran penulis ini juga dapat diterima sebagai usaha membebaskan masyarakat terutamanya penggerak-penggerak politik daripada sifat taksub dan fanatik yang jelas merupakan sebuah kepalsuan.

Kupasan seterusnya beralih kepada pemikiran yang dikemukakan dalam novel *Surat-Surat Untuk Kaherah* (2013). Hasil analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati penulis novel ini telah menjalankan tugasnya sebagai penulis realis dengan begitu baik sekali melalui kritikan yang dilontarkannya terhadap kebejatan budaya politik yang diamalkan masyarakat Malaysia. Kritikan yang dilontarkan ini membuktikan karya penulis ini sememangnya mempunyai hubungan dialektik antara pengkarya, karya dan khalayak seperti yang dikehendaki Lukacs (1990). Melalui kritikan yang dilontarkan juga, terbukti penulis telah mempraktikkan prinsip ‘cerminan’ yang menjadi inti utama dalam penghasilan sesebuah karya sastera realis. Kritikan penulis ini dapat disaksikan menerusi petikan berikut;

“Eh, kau tinggal di kampung setingan tu lagi?”

“Masih tak tahu sampai bila. Ada desas-desus mengatakan JPS akan ambil semula tanah itu kerana mereka telah mendapat peruntukan untuk melebarkan sungai. Kami tidak akan memperoleh pampasan, ia pun bukan tanah TOL. Sekarang, sibuklah ketua kampung bodek UMNO. UMNO boleh dipercayai dalam hal-ehwal menjaga kebajikan orang Johor ni.” Ulasku berterus-terang.

(Surat-surat untuk Kaherah, 2013, hlm 12)

Lukacs (1989) begitu memberi perhatian terhadap masalah kesedaran. Menurutnyanya lagi, kesedaran menjadi kekuatan yang menggerakkan manusia kepada pemahaman dan keberadaannya (Lukacs, 1989). Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat kritikan yang dilontarkan terhadap sikap sesetengah ketua kampung yang boleh dianggap sebagai pemimpin masyarakat yang gemar membodek untuk mendapatkan sesuatu dapatlah



diterima sebagai suatu mekanisme bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa budaya bodek-membodek menjadi amalan baik dalam institusi dan mahupun politik di negara ini merupakan sebuah budaya yang tidak sihat dan boleh mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat. Penulis menerusi petikan tersebut telah menggambarkan sikap ketua kampung yang merupakan pemimpin masyarakat bagi sesebuah petempatan telah membodek atau dalam bahasa lainnya melobi pihak UMNO (*United Malay National Organization*) yang merupakan pihak yang memegang tampuk kuasa sebagai kerajaan pada ketika itu agar petempatan setinggan mereka tidak diganggu dan dirobohkan. Secara tersiratnya pula, penulis sebenarnya turut menggambarkan sikap masyarakat yang terlalu bergantung kepada kerajaan atau parti politik untuk membela nasib dan kebajikan mereka. Kedua-dua realiti yang digambarkan penulis ini merupakan permasalahan yang amat perlu untuk diatasi dan diubah dalam masyarakat. Lukacs (1990) menganggap kebergantungan kepada kerajaan atau pihak pemerintah hanya akan membawa kepada kehidupan 'dehumanis'. Kependudukan hanya akan menjadikan kita sebagai lubang kesempatan (*collusive*) untuk mereka mengaut keuntungan dan mengekalkan kekuasaan (Lukacs, 1990). Kembali kepada realiti yang dikemukakan penulis, wakil rakyat sebenarnya tidak perlu diangkat atau dibodek sedemikian rupa kerana sudah menjadi tanggungjawab mereka untuk menjaga kebajikan dan kepentingan masyarakat yang mereka wakili. Dalam situasi tersebut, dengan kedudukan yang mereka miliki sudah tentunya mereka tidak mempunyai halangan untuk mengekalkan petempatan setinggan seperti yang diminta. Situasi ini jelas menjadi kesempatan untuk mereka meraih keuntungan dan mengekalkan kuasa. Sebagai misalan, sekiranya petempatan setinggan itu dikekalkan, maka wakil rakyat dan parti politik yang menjadi kerajaan tidak perlu mengeluarkan peruntukan untuk membuka petempatan baharu dan membangunkan infrastruktur asas buat penduduk sebaliknya peruntukan tersebut dapat digunakan untuk tujuan-tujuan lain yang membawa keuntungan kepada mereka dan parti politik. Maka, yang rugi tetaplah masyarakat yang menjadi lubang kesempatan buat mereka mengaut keuntungan baik dari segi material mahupun dari aspek pengekalan kuasa seperti yang diperkatakan Lukacs (1990). Oleh yang demikian, jelas budaya politik bodek-membodek ini tidak mendatangkan sebarang kebaikan kepada masyarakat bawahan melainkan keuntungan yang bersifat sementara dan palsu sedangkan wakil rakyat atau parti politik memperoleh keuntungan yang berpanjangan dan berlipat kali ganda. Justeru, pengkaji berpendapat pemikiran yang dikemukakan penulis ini sememangnya menepati gagasan realisme yang dibawa Lukacs (1989) yang memperjuangkan pembebasan manusia daripada segala bentuk kepalsuan. Dari sudut realitinya berdasarkan bukti-bukti realisme yang ada, budaya bodek atau mengampu ini sememangnya sudah meresap dalam budaya masyarakat di negara ini. Budaya ini bukan sahaja berlaku dalam politik, tetapi turut berlaku dalam organisasi dan tempat kerja. Buktinya, Zulkifli (2016) menyatakan budaya mengampu atau membodek sudah menjadi sebahagian daripada amalan kita, termasuk dalam politik dan di organisasi tempat bekerja. Menurutnya lagi, politik tanpa amalan mengampu bagai tidak sah, angkat-mengangkat seolah-olah sudah membudaya dalam politik dan sudah mencengkam begitu kuat dalam sistem politik kita sehingga begitu sukar dikikis (Zulkifli, 2016). Tambah Zulkifli (2016) lagi, prinsip feudalisme yang begitu kuat dalam politik Melayu dan rantau ini menjadi faktor utama yang mempengaruhi penggerak politik termasuklah pemimpin-pemimpin masyarakat seperti ketua kampung untuk terus mengamalkan budaya politik yang tidak sihat seperti ini. Prinsip feudal telah membentuk cara fikir mereka dengan meyakini untuk terus hidup dalam politik, mereka bukan sahaja perlu menjaga hati pemimpin atasan, tetapi perlu pandai membodek. Prinsip inilah yang



telah diamalkan oleh ketua kampung dalam memastikan petempatan setinggian tidak diganggu seperti yang digambarkan penulis. Situasi seperti inilah yang menjadi kegelisahan Lukacs (1989) yang menurutnya, kesusasteraan tidak hanya diwarnai oleh kegelisahan penulis terhadap kemerdekaan negara, melainkan juga kemerdekaan manusia yang tergilis akibat rakusnya kapitalis.

Daripada sudut pemikirannya, penulis sebenarnya mahu menyedarkan masyarakat agar melihat realiti jelek ini sebagai suatu permasalahan serius yang perlu dikikis dalam masyarakat. Budaya membodek atau mengampu seperti yang digambarkan ini merupakan budaya yang tidak sihat, lebih-lebih dalam politik. Daripada perspektif ajaran Islam juga, Rasulullah SAW sendiri telah menegaskan budaya bodek atau pujian yang berlebih-lebihan tidak sepatutnya diamalkan kerana kaan merosakkan kebaikan sebenar orang yang dipuji di samping dikhuatiri akan menerbitkan perasaan tidak ikhlas seperti riak dan mengharap balasan. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan Bukhari, no 2663, *“Rasulullah SAW mendengar seorang lelaki memuji lelaki lain dan berlebih-lebihan dalam pujiannya, maka Rasulullah SAW bersabda, Kamu telah merosakkannya dan telah memotong belakangnya (seolah-olah)”*. Hadis ini menjadi bukti realisme yang jelas bahawa budaya bodek atau mengampu merupakan budaya yang tidak baik dan tidak wajar diamalkan dalam menggerakkan politik. Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan, pemikiran atau kritikan yang dilontar penulis boleh diterima sebagai fungsi intelektual yang mendidik masyarakat agar mampu berpartisipasi dalam politik secara matang dan adil. Pemikiran penulis ini terbukti memberikan impak ke arah penambahbaikan situasi politik semasa melalui kelahiran masyarakat yang demokratik dan humanis seperti yang dikehendaki Lukacs (1978).

Kupasan berikutnya ialah kupasan terhadap pemikiran yang disampaikan dalam novel *Kunang Pesisir Morten* (2015). Novel ini turut tidak ketinggalan memuatkan politik sebagai satu daripada persoalan dalam penulisannya. Hal ini jelas menunjukkan karya ini sememangnya mendukung prinsip sastera realis dengan tidak memisahkan sastera daripada dimensi sosial kehidupan masyarakat seperti yang ditegaskan Lukacs (1978). Penulis novel ini secara lantang telah mengkritik sikap sesetengah ahli politik atau wakil rakyat yang sambil lewa menjalankan tugas mereka terhadap masyarakat. Penulis telah menggambarkan sikap buruk wakil rakyat yang hanya akan bertindak selepas sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku kepada masyarakat. Sudahnya, masyarakat yang perlu menanggung akibat dan menjadi mangsa. Nasib masyarakat yang digambarkan ini tak ubah seperti yang sering diperkatakan Lukacs (1990), politik dan ekonomi ialah lubuk kesempatan yang hanya menguntungkan kelas tertentu dan menindas kelas lain yang tidak faham sama sekali tetapi terpaksa terlibat. Kritikan penulis disampaikan seperti berikut;

“Betul tak aku cakap? Ahli politik bila ada orang mati baru nak bertindak. Kita dah buktikan jamban-jamban kayu atas sungai tu bahaya! Dan kau pun tahu, ketua menteri tu dah dengar aduan daripada orang-orang Hokkien belah sana! Hasilnya? mereka dah robohkan jamban bodoh tu semua! Hidup rakyat!”

(Kunang Pesisir Morten, 2015, hlm 56)

Penulis dengan beraninya telah mengemukakan sikap buruk ahli-ahli politik yang tidak bersungguh-sungguh dalam menjaga kebajikan dan membela nasib masyarakat. Di situlah terserlahnya kebejatan sikap mereka yang hanya menjadikan jawatan atau



kedudukan yang mereka miliki sebagai lubang kesempatan untuk mengaut keuntungan dan meraih kekuasaan. Ahli politik digambar langsung tidak mengambil tindakan terhadap kesusahan yang dihadapi oleh masyarakat sehari-hari sebaliknya hanya bertindak setelah berlakunya musibah kepada masyarakat. Daripada perspektif Lukacs (1990) tindakan mereka ini jelas mengkhianati masyarakat yang telah memberi sokongan kepada mereka dengan tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk membebaskan masyarakat daripada hambatan atau permasalahan yang wujud dalam kehidupan sehari-hari masyarakat mereka. Ahli politik yang merupakan pemegang amanah masyarakat sepatutnya bertindak secara responsif terhadap permasalahan masyarakat, bukannya perlu menunggu sehingga berlakunya sesuatu musibah barulah mahu bertindak. Oleh yang demikian, kritikan penulis ini dilihat relevan bagi menyedarkan masyarakat tentang tanggungjawab wakil rakyat terhadap masyarakat yang merupakan hak mereka selari dengan prinsip Lukacs (1990) yang menekankan peranan karya sastera sebagai daya transformasi yang mampu mengubah kesedaran manusia. Selain memberi kesedaran kepada masyarakat, kritikan ini turut bersifat serampang dua mata, iaitu untuk memberi kesedaran kepada wakil-wakil rakyat atau ahli politik yang juga merupakan sebahagian daripada komponen masyarakat. Secara realitinya, Sukmawan (2015) menegaskan sebagai wakil rakyat yang telah dipilih, mereka sebenarnya menggalas amanah besar dan hendaklah ditunaikan dengan jujur dan bijaksana agar masyarakat merasa terbelas serta kebajikan mereka terjaga. Tambahnya lagi, wakil yang juga perlulah bersikap responsif terhadap keperluan dan masalah masyarakat (Sukmawan, 2015). Justeru, kritikan penulis ini turut boleh diterima sebagai mekanisme atau daya transformasi untuk menyedarkan seterusnya menggerakkan wakil-wakil rakyat agar lebih peka dan memandang serius permasalahan yang dihadapi masyarakat. Kritikan atau pemikiran penulis yang bersifat serampang dua mata ini jelas membuktikan novel ini sememangnya mendukung nilai estetika realisme yang memperjuangkan kehidupan masyarakat yang humanis (Lukacs, 1990).

Daripada sudut pemikirannya, kritikan yang dilontarkan penulis menerusi novel ini boleh diterima sebagai teguran khususnya buat ahli-ahli politik atau wakil rakyat yang sedang berkhidmat pada masa kini. Kritikan yang bersifat teguran seperti ini amatlah penting bagi memastikan ahli-ahli politik yang dipilih masyarakat sentiasa bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas mereka selaras dengan prinsip yang ditekankan dalam reformasi parlimen yang sedang dilaksanakan kerajaan pada masa ini (Zainol, 2018). Daripada perspektif masyarakat pula, kritikan yang dilontarkan ini boleh diterima sebagai daya transformasi yang menyedarkan masyarakat tentang hak yang sepatutnya mereka nikmati tetapi selama ini tidak mereka sedari. Maka jelas, novel ini telah menjalankan fungsi intelektualnya sebagai sebuah karya sastera yang mampu mengubah kesedaran manusia selari dengan prinsip yang ditekankan Lukacs (1990). Dengan demikian, masyarakat pastinya akan dapat menikmati kehidupan yang lebih humanis di samping dapat menambah baik situasi politik semasa di negara ini.

Novel *Budak Kelas Belakang* (2018) merupakan novel terakhir yang dikupas dalam kajian ini. Sebagai sebuah novel yang berlatarbelakangkan dunia pendidikan, pemikiran yang disampaikan dalam novel ini kebanyakannya berbentuk idea-idea ke arah mendidik masyarakat khususnya generasi muda atau generasi sekolah. Sungguhpun novel ini banyak membahaskan persoalan tentang pendidikan, namun novel ini turut menyentuh persoalan politik dalam penulisannya. Kestabilan politik dalam sesebuah masyarakat menjadi faktor penting dalam usaha memajukan sesebuah masyarakat dan negara. Satu daripada cara mewujudkan kestabilan politik dalam kalangan masyarakat adalah dengan



memilih pemimpin yang betul, berkarisma, mempunyai kredibiliti dan berupaya memimpin masyarakat menuju ke arah peningkatan taraf hidup. Kepentingan memilih pemimpin yang betul ini adalah bagi mengelakkan politik terus menjadi lubang kesempatan yang hanya akan menguntungkan kelas atau golongan tertentu sahaja seperti yang diperkatakan Lukacs (1990). Dalam konteks negara Malaysia yang mengamalkan sistem politik demokrasi dalam proses pemilihan pemimpin, maka masyarakat sepatutnya diberikan pengetahuan yang secukupnya terutamanya dalam aspek pertimbangan memilih pemimpin yang akan mewakili mereka. Di sinilah peranan sebuah karya realis amat ditagih. Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati penulis novel ini telah menjalankan peranannya dengan baik sekali melalui penyaluran fungsi intelektual bagi memahami masyarakat tentang prinsip-prinsip dan nilai-nilai demokrasi serta kaedah pelaksanaannya melalui penerapan dalam aktiviti-aktiviti di sekolah. Pemikiran penulis ini boleh disaksikan dengan jelas menerusi petikan berikut;

Pelantikan ahli jawatankuasa PAI sesi 88/89 dilakukan di gim. Rakan sekelas kami, Zila terlebih dahulu dilantik sebagai presiden PAI. Apabila BFF aku; Aiz, Ismah, Wan Ann, Acik Mas sambil gelak-gelak mengatakan mereka akan mencadangkan nama aku sebagai Naib Presiden PAI. Aku cuma anggap itu hanya gurauan nakal mereka.

Apabila tiba waktu pencalonan untuk Naib Presiden PAI, mereka menjerit dari baris belakang, "Hemylia."

Aku menang tanpa bertanding apabila banyak tangan naik tanda setuju dengan pencalonan aku sebagai Naib Presiden PAI. Tak tahulah sama ada suara penyokong aku yang kuat, atau memang pelajar lain telah dipukau hingga membuatkan undi berpihak kepada aku. Motif sebenar?

(Budak Kelas Belakang, 2018, hlm 114)

Penulis menerusi petikan di atas telah menggambarkan tentang penerapan prinsip-prinsip demokrasi yang biasanya dilaksanakan di sekolah-sekolah di Malaysia. Murid-murid melalui aktiviti pembelajaran di sekolah sememangnya telah didedahkan dengan kaedah-kaedah pelaksanaan sistem demokrasi. Setiap kali bermulanya sesi persekolahan, pastinya pemilihan bagi jawatan ketua kelas, penolong ketua kelas dan juga pemilihan ahli jawatankuasa bagi aktiviti kokurikulum dijalankan. Pendekatan yang digunakan di sekolah-sekolah ini secara realitinya dapat membantu kanak-kanak atau dalam konteks sekolah murid-murid bagi membentuk nilai yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat demokrasi yang majmuk (Suh & Traiger, 1999 dalam Othman & Suhid, 2010). Pembentukan nilai seawal usia persekolahan inilah yang akan menentukan cara berfikir seseorang individu itu dalam bertingkah laku, berfikir dan bertindak sehingga mencorakkan kebudayaan atau norma dalam sesebuah masyarakat (Othman & Suhid, 2010). Justeru, pendekatan yang digunakan dalam menerapkan prinsip-prinsip demokrasi di sekolah-sekolah ini terbukti memberi kesan yang positif dan bersifat terkehadapan dalam menentukan cara berfikir, cara bertingkah laku dan cara bertindak masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan pemikiran yang dikemukakan penulis sememangnya mendukung prinsip Lukacs (1990) yang menekankan peranan karya sastera sebagai daya transformasi yang mampu mengubah kesedaran manusia, iaitu melalui pembentukan cara berfikir. Sungguhpun begitu, penulis turut mengemukakan permasalahan penghayatan prinsip-prinsip demokrasi yang dilihat masih lagi lemah



dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda. Penulis dengan jujur telah menggambarkan realiti lemahnya penghayatan prinsip demokrasi dalam kalangan murid sekolah dengan mempersoalkan tujuan rakan-rakannya memilih dirinya sebagai naib presiden Persatuan Agama Islam (PAI) sedangkan dirinya merasakan dirinya tidak layak untuk menjawat jawatan tersebut. Realiti ini jelas menunjukkan tahap penghayatan masyarakat terhadap prinsip-prinsip demokrasi khususnya dalam perihal memilih pemimpin yang betul, berkarisma, mempunyai kredibiliti dan berupaya memimpin masyarakat menuju ke arah peningkatan taraf hidup. Masyarakat dilihat sekadar mengerjakan kaedah-kaedah demokrasi, tetapi tidak menerapkan sekali nilai atau estetika demokrasi yang sepatunya menjadi menjadi amalan. Demokrasi berkisar tentang kebolehan membuat keputusan untuk memilih pemimpin, sekiranya dalam soal pemilihan pemimpin pun dilakukan secara sambil lewa, kemudian dipengaruhi pula oleh faktor-faktor seperti pertalian sahabat atau keluarga misalnya, atau disebabkan tujuan mahu mengenakan seperti yang sering berlaku di sekolah-sekolah seperti yang digambarkan penulis, maka politik akan berterusan menjadi lubang kesempatan untuk golongan tertentu mengaut keuntungan dan menindas kelas bawahan seperti yang diperkatakan Lukacs (1990). Keadaan ini seterusnya akan menjadikan kehidupan masyarakat berterusan dalam keadaan 'dehumanis'. Kegagalan masyarakat memilih pemimpin yang betul, berkarisma dan mempunyai kredibiliti akan menyebabkan ketidakstabilan politik seterusnya mengganggu gugat proses pembangunan sesebuah negara.

Daripada sudut pemikirannya, realiti yang dikemukakan penulis ini boleh diterima sebagai satu teguran untuk menyedarkan masyarakat supaya menilai kembali tahap pemahaman dan penghayatan mereka terhadap prinsip-prinsip demokrasi dalam kehidupan mereka. Sebagai penulis realis yang sentiasa mendukung idealisme Lukacs (1990) yang menekankan aspek pembukaan jalan bagi manusia untuk terus berkembang menjadi manusia yang benar, penulis dengan jujur telah mendedahkan realiti sebenarnya tentang tahap penghayatan masyarakat Malaysia terhadap prinsip-prinsip demokrasi dalam karya. Isu berkaitan penghayatan ini sememangnya memerlukan perhatian yang serius dan sangat perlu diatasi. Selari dengan latar novel ini, masyarakat khususnya golongan pendidik, perlulah memainkan peranan serius dalam memastikan prinsip-prinsip demokrasi dapat disemai dan dipraktikkan dengan sebetulnya bermula dari bangku sekolah lagi seperti yang disarankan Suh dan Traiger (1999), bimbingan dan panduan yang diberikan kepada murid dapat membantu murid untuk memahami seterusnya membentuk nilai-nilai dalam kehidupan seharian. Dengan demikian, murid akan terlatih dan terbiasa mempraktikkan prinsip demokrasi yang betul dalam kehidupan mereka. Dari sudut jangka panjangnya, pendekatan ini amatlah positif untuk masa depan masyarakat dan negara kerana melalui mereka dapat menikmati kestabilan politik hasil daripada penghayatan dan pemahaman prinsip-prinsip demokrasi yang sebenar-benarnya. Kehidupan masyarakat turut akan menjadi lebih humanis apabila pemimpin yang dipilih adalah pemimpin yang mampu memenuhi segala keperluan dan kebajikan masyarakat. Pemikiran penulis berfungsi sebagai daya intelektual yang mendorong transformasi ke arah penambahbaikan politik Malaysia, sekali gus meningkatkan taraf hidup masyarakat. Seperti ditegaskan Lukacs (1990), realisme dalam sastera bukan sekadar menggambarkan realiti, tetapi juga mendidik masyarakat. Justeru, gagasan penulis menawarkan impak yang berpotensi memacu politik negara ke arah lebih baik, kini dan pada masa depan.



5.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis dan perbincangan yang telah dilakukan terhadap pemikiran penulis Indie terhadap realiti politik di Malaysia, pengkaji mendapati kesemua penulis sememangnya mendukung prinsip realisme Lukacs (1978) yang mengutamakan pemahaman terhadap gerak sosial menuju masyarakat yang demokratik dan humanis. Meskipun karya-karya ini ditulis menggunakan latar yang berbeza-beza, namun kesemua penulis tetap menyentuh aspek-aspek kemasyarakatan khususnya situasi politik secara menyeluruh dalam karya mereka. Perkara ini jelas menunjukkan penulis-penulis ini mendukung prinsip karya sastra seperti yang digariskan Lukacs (1978) dengan tidak memisahkannya daripada seluruh dimensi kehidupan individu di samping menyahut seruan Lukacs (1990) yang mengkehendakkan pengkarya menjadikan politik sebagai antara pusat keprihatinan dalam berkarya. Keprihatinan penulis-penulis ini terhadap realiti jelek dalam politik Malaysia jelas kelihatan apabila penulis novel *Kunang Pesisir Morten* dengan lantang mengkritik sikap ahli politik yang tidak serius dalam menjalankan tugas mereka sehingga mendatangkan kesan yang buruk kepada masyarakat. Berpaksian kepada pusat keprihatinan yang sama, penulis novel *Surat-Surat Untuk Kaheerah* turut senada apabila mempersoalkan budaya bodek atau mengampu yang jelas menjadi lubuk kesempatan buat ahli politik mengaut keuntungan sedangkan masyarakat terus dibiarkan mundur begitu sahaja. Penulis novel *Budak Kelas Belakang* pula tampil dengan keprihatinannya terhadap masalah pemahaman dan penghayatan nilai demokrasi dalam kalangan masyarakat yang jelas mendatangkan kesan buruk bukan sahaja buat masa kini bahkan pada masa-masa hadapan. Sementara penulis novel *Aku Rindu 90's* pula menzahirkan keprihatinannya terhadap masalah masyarakat yang berpecah-belah hanya disebabkan sikap fanatik dan taksub terhadap aliran politik yang diikuti. Penzahiran keprihatinan ini tidaklah terhenti sekadar di situ, penulis-penulis turut mengemukakan saranan yang berupa pemikiran bagi memperbaiki realiti jelek yang berlaku dalam politik tanah air selari dengan prinsip Lukacs (1978) yang mementingkan pemahaman terhadap gerak sosial menuju masyarakat yang demokratik dan humanis. Sekali lagi, terserlah karya-karya ini sememangnya menepati prinsip realisme Lukacs (1990), pengkarya dengan jelas tidak hanya digerakkan oleh persekitaran atau lingkungan sosial mereka semata-mata sebaliknya turut berperanan menggerakkan lingkungan sosial mereka untuk mengatasi hambatan atau permasalahan yang wujud dalam kehidupan sehari-hari.

Tuntasnya, kesemua pemikiran yang dikenal pasti daripada novel-novel Indie yang dikaji menjadi bukti bahawa novel-novel Indie juga menawarkan fungsi intelektual yang mampu menjadi daya transformasi yang mampu menggerakkan masyarakat menuju keadaan kehidupan yang lebih baik dan humanis. Seyogianya, dapatan yang diperoleh daripada kajian ini telah pun memenuhi setiap objektif yang telah ditentukan. Pemikiran penulis yang dikenal pasti sememangnya selari dan menepati prinsip realisme serta mampu memandu masyarakat ke arah penambahbaikan situasi politik semasa di Malaysia. Impak daripada pemikiran-pemikiran yang dikenal pasti juga jelas memberi impak terhadap realiti atau situasi politik semasa. Berdasarkan pemikiran dan impak yang dikenal pasti ini, sudah tentunya dapat menjadi bukti dan justifikasi kepada masyarakat dalam menilai kualiti karya-karya Indie. Justeru, ketiga-tiga objektif yang ditentukan telah pun dapat dicapai. Semoga dapatan kajian ini dapat menjadi panduan dan rujukan buat seluruh masyarakat dalam usaha menambah baik situasi politik semasa seterusnya memacu kehidupan masyarakat menuju prinsip humanis seperti yang ditegaskan Lukacs (1990).



Rujukan

- Adenan, M. K., Kayad, F. G., & Daud, M. Z. (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Biro Tata Negara. (2015, March 11). Gerakan Indie di Malaysia. <https://archive.org/details/GerakanIndieDiMalaysia>
- Buang, S. (2017, June 7). PAS pula dituduh buat acara politik dalam surau. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/384751>
- Cambridge Advanced Learner's Dictionary Fourth Edition*. (2013). United Kingdom: Cambridge University Press.
- Hamid, A. S. A. (2015). Konseptualisasi Pembangunan Komuniti melalui Analisis Konsep Struktur Sosial, Teori Modal Sosial dan Perspektif Realisme Kritikal. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 21-40. <https://doi.org/10.32890/jps.18.2015.11528>
- Hashim, M. (2013, July 24). BN (Politik tidak islamik) lekat poster dalam surau dan masjid. <https://www.ibnuhasyim.com/2013/07/bn-politik-tidak-islamik-lekat-poster.html?m=1>
- Ismail, N. H., & Yusoff, M. F. M. (2016). Karya Indie: Revolusi penulis generasi baru. *International Consortium of Education and Culture Research Studies*, 13(2), 565-570. <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.526>
- Jamin, A. (2018, September 23). Realisme: Aliran Sastera Yang Semakin Jernih. *Mingguan Malaysia*, 12-13.
- Jamin, A. A. & Subet, M. F. (2018a). Menghapus Prejudis Perkauman Melalui Karya Indie: Analisis Terhadap Novel Kunang Pesisir Morten. *Maltesas Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 53-68.
- Jamin, A. A. & Subet, M. F. (2018b). Kritik Saran Sistem Pendidikan Malaysia dalam Karya Indie. *e-Prosiding (Abstrak) Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan 2018*.
- Jamin, A. A. & Subet, M. F. (2019). Karya Indie: Sastera Kontemporari Bernilai Pendidikan. *Prosiding Seminar Pedagogi dan Inovasi Kebangsaan*.
- Jamin, A. & Subet, M. F. (2020). Wacana Kemasyarakatan dalam Karya-karya Indie di Malaysia. *Sains Humanika* 12(1), 1-10. <https://doi.org/10.11113/sh.v12n1.1621>
- Jamin, A. & Subet, M. F. (2021). Realisme Ekonomi Masyarakat Malaysia dalam Karya Indie. *Asian People Journal* 4(1), 11-25. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.191>
- Jamin, A. A. (2021). *Pemikiran Realisme dalam Karya-Karya Indie Malaysia Terpilih* [Unpublished Master's thesis]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Jamin, A. (2024). Kepengarangan Realisme Lengkap Sasterawan Negara Rahman Shaari: Analisis Novel Cengkaman Hasrat. *Jurnal Pengajian Melayu*, 35(1), 87-105



- Lukacs, G. (1963). *The theory of the novel*. The Merlin Press.
- Lukacs, G. (1978). *Marxism and human liberation*. Delta Publishing.
- Lukacs, G. (1989). *Studies in European realism*. Merlin Press.
- Lukacs, G. (1990). *History and class consciousness*. Merlin Press.
- Nurain, K. K. H. & Cheang, S. C. (2019). Satu Penelitian Strukturalis Terhadap Sastera Indie Terpilih. *Gendang Alam Edisi Khas* 2019, 109-130. <https://doi.org/10.51200/ga.vi.2208>
- Othman, M. K., & Suhid, A. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 11(1), 117-130.
- Rogan, J. (1992). *Introduction: The guinness who's who of Indie and new wave music*. Guinness Publishing.
- Rukayah. (2016). Menyoal Realisme Sosial dalam Novel Gadis Pantai karya Pramoedya Ananta Toer dengan Analisis Strategi Naratif. *Jurnal Publikasi Pendidikan* 6(1), 14-23.
- Selden, R. (1991). *Panduan membaca teori sastra masa kini* (R. D. Pradopo, Trans.). Gadjah Mada University Press.
- Sukmawan, S. (2015). *Menyemai benih cinta sastra*. Universitas Brawijaya Press.
- Tham, J. V. (2018, April 10). BN flags were spotted in a Chinese cemetery in Melaka. *SAYS*. <https://says.com/my/news/bn-party-flags-were-spotted-in-a-chinese-cemetery-and-people-are-not-having-it>
- Theng, Y. C. (2015). *Realisme dalam cerpen-cerpen dua penulis Mahua di Malaysia* [Unpublished master's thesis]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tori, K. (2004, January 3). Indie. <http://www.urbandictionary.com/define.php?term=indie>
- Wahab, M. R., & Kusnin, S. N. H. (2016, May 11). Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia. http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf
- Zainol, M. J. (2018, October 22). Reformasi parlimen, tugas wakil rakyat. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/10/488888/reformasi-parlimen-tugas-wakil-rakyat>
- Zulkifli, Z. (2016, December 31). KSSM, KSSR baharu dilaksana 2017. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/node/228986>

